

## ANALISIS AL-BADI' DALAM RIYAD AL-SALIHIN

Siti Rohani Jasni

Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah

Email: [s\\_rohani@ums.edu.my](mailto:s_rohani@ums.edu.my)

Mohd Hatib Ismail

Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah

Email: [mohdhatib@ums.edu.my](mailto:mohdhatib@ums.edu.my)

### ABSTRAK

Al-badi' merupakan salah satu daripada cabang ilmu balaghah yang membincangkan mengenai penggunaan ungkapan dan frasa yang dihiasi dengan kata-kata berbunga serta sesuai dari segi makna dan perkataan. Perbincangan Al-badi' amat luas kerana ianya merangkumi lebih daripada 30 tajuk dalam kitab-kitab balaghah Arab. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis keindahan gaya bahasa al-badi' dalam hadith Rasulullah s.a.w yang agak kurang diketengahkan berbanding teks-teks bahasa yang lain. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini bersifat analisis kandungan terhadap teks-teks hadith yang terdapat dalam *Kitab Riyad al-Salihin*. Hasil kajian mendapati bahawa teks-teks hadith *Kitab Riyad al-Salihin* ini mengandungi beberapa unsur-unsur al-badi' yang mudah difahami dan ungkapan-ungkapan yang dikenal pasti telah diaplikasikan pada zaman Rasulullah s.a.w. Antara jenis-jenis badi' yang terserlah dalam kajian ini ialah *al-Jinas*, *al-Tibaq*, *al-Saj'*, dan *al-Muqabalah*. Kajian ini diharap dapat menarik minat para pembaca hadith untuk mengetahui keindahan gaya bahasa al-Hadith sebagai sumber perundangan kedua selepas al-Quran.

Kata Kunci: Gaya bahasa, al-Badi', Kitab Riyad al-Salihin dan Imam al-Nawawi.

### 1. Pengenalan

Ilmu Balaghah Arab terbahagi kepada tiga cabang ilmu yang penting, iaitu *ilmu al-bayan*, *ilmu al-ma'ani* dan *ilmu badi'*. Ensiklopedia Islam (2004:227-228) menjelaskan bahawa *Ilmu al-Ma'ani* adalah ilmu yang menumpukan kepada kaedah-kaedah dan aturan-aturan lafaz Arab yang sesuai dengan keperluan keadaan dan sesuai dengan maksud penutur. *Ilmu al-bayan* pula iaitu ilmu yang memberi perhatian kepada kaedah yang berkaitan dengan ungkapan sesuatu makna dengan pelbagai cara yang sesuai dengan konteks ayat. Objek pembahasannya ialah *al-tasybih* (menyerupakan sesuatu dengan yang lain kerana adanya persamaan sifat), *al-majaz* (penggunaan kata secara metafora), dan *al-kinayat* (penggunaan kata-kata kiasan). Manakala, *Ilmu al-badi'* membincangkan pelbagai perkara yang berkaitan dengan aspek keindahan ayat seiring dengan kesesuaiannya dengan keadaan dan situasi. Ia juga sesuai dengan kejelasan pengertian yang terkandung di dalamnya sama ada lafaz ataupun makna.

Ilmu al-badi' atau juga dikenali dengan nama *al-bayan*, *al-fasahah* atau *al-bara'ah* merupakan suatu kaedah ilmu yang mampu meninggalkan kesan yang mendalam ke dalam jiwa pada kejelasan makna dan keindahan ungkapannya (Fuyud 2004:10). Ilmu al-badi' muncul sejurus lahirnya dua cabang ilmu iaitu *ilmu al-ma'ani* dan *al-bayan*. Kemunculan *al-badi'* sebagai satu bidang ilmu rentetan daripada keperluan yang bertujuan untuk memperelokkan ungkapan dan menghiasinya dengan kata-kata yang indah.

Ilmu ini dibahagikan kepada dua bab. Bab pertama ialah keelokan makna dan bab kedua keelokan perkataan. Perbincangan al-badi' ini merangkumi lebih daripada 30 tajuk, antara ahli bahasa yang terawal meletakkan batu asas kepada perbincangan ilmu al-badi' iaitu Abdullah Ibnu al-Mu'taz mengatakan sebanyak 17 tajuk. Manakala, tokoh selepasnya Ibnu Qudamah menambah lagi 13 tajuk. Diikuti, Abu Hilal al-'Askari dalam tulisannya *Kitab al-Sina'atayn* menghimpunkan 37 tajuk *al-badi'*,

dan Zaki al-Din bin Abi al-Asba' mencatatkan tajuk *al-badi'* mencecah kepada 90 jenis (Mahmud Yasin 1997:41).

Keindahan gaya bahasa *al-badi'* ini mempunyai nilai estetika yang tinggi dan ianya dapat dilihat melalui teks-teks hadith baginda s.a.w. Sebagaimana yang telah dimaklumkan sebelum ini bahawa skop perbahasan ilmu *badi'* terlalu banyak, tetapi dalam penulisan yang singkat ini, penulis cuba untuk membincangkan beberapa unsur gaya bahasa *al-badi'* yang dianggap sesuai dan relevan sahaja seperti *al-jinas* (persamaan dua perkataan tetapi berlainan maksud), *al-tibaq* (perkataan berlawanan), *al-saj'* (sajak) dan *al-muqabalah* iaitu penggunaan dua makna yang bersesuaian atau lebih.

## 2. Hadith

Hadith merupakan sumber sekunder dalam syariat perundangan Islam. Ia merupakan penerang dan penghurai kepada ayat-ayat al-Quran. Hadith juga secara tidak langsung berperanan sebagai sumber bahasa dan tatabahasa Arab. Di antara tujuan pengkajian ilmu bahasa pada awalnya adalah untuk menjaga bahasa al-Quran dan Hadith agar tidak menyimpang daripada maksud asal kedua-duanya. Hal ini dibuktikan dengan kemunculan ilmu Nahu dan Saraf dalam bidang bahasa. Kemudian, barulah timbul usaha-usaha untuk memperkemaskan gaya bahasa termasuk dari sudut keindahan yang membuka jalan kepada lahirnya ilmu al-Balaghah.

Melalui kajian ini, timbul persoalan mengenai bagaimana kalam Rasulullah itu diungkapkan dengan gaya bahasa yang indah itu tidak mampu dipertikai lagi kerana ianya merupakan anugerah illahi kepada baginda SAW. Keelokkan tutur bahasanya menjadi pelengkap yang menyempurnakan kecantikan budi pekertinya. Demikian, Rasulullah s.a.w seorang yang bijaksana dan fasih berbahasa, maka pastinya menggunakan pelbagai bentuk ungkapan yang berbeza makna dan lafaznya. Oleh itu, timbul persoalan tentang sejauh mana lafaz dan ungkapan-ungkapan hadith ini dihiasi dengan bentuk-bentuk perkataan dan makna yang berbeza-beza.

Rasulullah SAW mempunyai kemahiran yang tinggi dalam mengemukakan perbandingan atau perumpamaan, mengeluarkan kata-kata hikmah serta kekuatan berhujah. Hal ini dapat dibuktikan dalam Firman Allah:

Maksudnya: "Dan ia tidak memperkatakan (sesuatu tentang Islam) menurut kemahuan hawa nafsunya. Segala yang diperkatakannya itu (sama ada al-Quran atau Hadith) tidak lain hanyalah wahyu yang diwahyukan kepadanya"(Surah al-Najm 53:3-4).

Keunggulan gaya bahasa yang indah jelas menonjolkan kenabiannya meskipun diciptakan sebagai seorang manusia biasa. Kemuliaan akhlak dan peribadi Rasulullah s.a.w merupakan contoh terbaik bagi seluruh umat manusia, sunnahnya diteladani dan diakui menjadi panduan dan rujukan selepas al-Quran. Bahasa baginda s.a.w dibimbing oleh wahyu ilahi, mudah diminati dan dicintai oleh orang ramai (al-Jahiz 1985). Persoalannya, apakah faktor yang menjadi daya tarikan terhadap uslub ucapan baginda SAW sehingga mampu menarik minat masyarakat Islam untuk mempelajari ilmu hadith sekaligus menjadi amalan sehingga hari ini? dan sejauhmana uslub balaghi itu mampu memberi kesan kepada jiwa pembaca dan pendengar?.

Untuk itu, kajian ini akan membincangkan beberapa unsur-unsur keindahan gaya bahasa Rasulullah SAW melalui aspek *al-badi'* yang telah dikenal pasti dan diaplikasikan dalam nas-nas hadith Rasulullah s.a.w. Faktor pemilihan kitab ialah kerana Kitab Riyad al-Salihin merangkumi hadith-hadith pilihan yang dianggap sebagai teras kepada pendidikan Islam dan asas yang teguh sebagai pembentukan akhlak muslim (al-Nawawi 2005). Keistimewaan kitab ini ialah ianya mempunyai

pengaruh yang amat besar sehingga menjadi rujukan para ilmuwan Islam sepanjang zaman serta digunakan dalam teks majlis ilmu di surau-surau atau di masjid-masjid di Malaysia.

Manakala, pengarang kitab ini yang terkenal dengan sifat zuhud beliau iaitu al-Imam al-Nawawi merupakan seorang yang faqih, muhaddith, hafiz, ahli bahasa dan seorang ulama yang turut serta menyumbangkan pelbagai disiplin ilmu Islam (Kahhalah t.th). Beliau bukan sahaja dikenali sebagai orang yang pakar tentang ilmu hadith tetapi kemashyurannya dalam bidang bahasa Arab mengatasi ulama-ulama lain yang sezaman dengannya. Ketokohnya dalam bidang bahasa diakui sehingga dianggap oleh al-Daqr (1994) sebagai seorang yang penganalisis dan pakar bahasa Arab. Ini kerana beliau cenderung menekankan aspek bahasa iaitu dengan mentafsirkan perkataan-perkataan gharib dan sulit difahami samada yang terdapat dalam al-Quran mahupun hadith berasaskan makna lughat, kaedah-kaedah ilmu nahu dan ilmu balaghah (Fahmi al-Kautsar 2004).

### 3. Perbincangan

#### Unsur-unsur Gaya bahasa al-badi dalam Riyad al-Salihin

Unsur-unsur gaya bahasa al-badi' yang terkandung dalam kitab Riyad al-Salihin adalah seperti yang berikut:

##### a) Unsur *al-Jinas*

*Jinas* ialah persamaan dua lafaz tetapi memberi maksud yang berbeza. *Jinas* terbahagi kepada dua bahagian, iaitu *jinas tam* dan *jinas naqis*. *Jinas tam* ialah kesamaan dua pada 4 perkara, iaitu dari segi jenis huruf, baris, bilangan dan susunan huruf. Manakala *jinas naqis* ialah terdapat sedikit perbezaan pada dua perkataan melalui empat perkara sama ada pada jenis huruf, bilangan, baris dan susunannya (Ali, al-Jarim & Mustafa Amin 1979).

Contoh 1:

عن أبي هريرة رضي الله عنه عن النبي صلى الله عليه وسلم قال: إِيَّاكُمْ وَالظَّنَّ فَإِنَّ الظَّنَّ أَكْذَبُ الْحَدِيثِ وَلَا

تَحَسَّسُوا، وَلَا بَحَسَّسُوا وَلَا تَنَافَسُوا، وَلَا تَحَاسَدُوا، وَلَا تَبَاغَضُوا، وَلَا تَدَابَرُوا، وَكُونُوا عِبَادَ اللَّهِ إِخْوَانًا

(رواه مسلم).

Maksudnya:

Daripada Abi Hurairah r.a, daripada Nabi s.a.w, baginda bersabda: Jauhkan diri kamu daripada sangkaan, sesungguhnya sangkaan itu sedusta-dusta percakapan. Janganlah kamu berusaha mengambil tahu (hal orang lain), janganlah kamu mengintip, janganlah kamu benci- membenci (marah) dan janganlah kamu belakang-membelakangi, hendaklah kamu menjadi hamba yang bersaudara (Riwayat Muslim) (al-Nawawi 1995. Kitab al-Umur al-Manhiy 'anha, bab al-Nahy 'an al-tajassus, 1570).

Ungkapan hadith di atas terdapat unsur *jinas naqis* diantara perkataan “تَحَسَّسُوا” dan “بَحَسَّسُوا” kerana kedua-dua perkataan ini mempunyai persamaan dari segi bilangan huruf, susunan dan bentuk kecuali salah satu daripada dua kalimah ini yang membezakannya ialah huruf bagi kalimah yang satu lagi tidak serupa pada titiknya. Iaitu antara huruf “ح” dan “ج”.

Contoh 2:

عن أبي هريرة رضي الله عنه قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: ((مَنْ تَابَ قَبْلَ أَنْ تَطْلُعَ الشَّمْسُ مِنْ مَغْرِبِهَا تَابَ اللَّهُ عَلَيْهِ)) رواه مسلم.

Maksudnya:

Dari Abu Hurairah r.a, katanya: Rasulullah s.a.w bersabda: “Barangsiapa bertaubat sebelum matahari terbit dari arah barat, maka Allah menerima taubatnya” (Riwayat Muslim) (al-nawawi 1994. Kitab al-Ma’murat, bab al-Taubah, 17:35 ).

Dalam potongan hadith di atas, terdapat dua perkataan yang sama dari segi bentuk, huruf, bilangan dan susunan iaitu pada kalimah “تَابَ” dan ianya dinamakan jinas tam.

Keistimewaan jenis ini dapat dilihat melalui kemiripan di antara dua kalimah yang berbeza pengertiannya. Keadaan ini mampu menimbulkan kesamaran di dalam fikiran pembaca sehingga mencetuskan perhatian yang lebih terhadap keganjilan perkataan yang sama dari segi hurufnya tetapi berbeza baris dan maksudnya.

#### b) Unsur *al-Tibaq*

*Tibaq* ialah himpunan antara dua perkataan yang berlawanan dari segi makna. *Tibaq* terbahagi kepada dua bahagian iaitu *tibaq Ijabi* dan *tibaq salbi*. Perkara yang membezakan nya ialah *tibaq Ijabi* tidak mempunyai “لا” nafi, manakala *tibaq salbi* pula sebaliknya (Abbas 2000:277). Hal ini dapat dilihat melalui contoh-contoh berikut:

Contoh 1:

عن هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: ((إِذَا تَشَهَّدَ أَحَدُكُمْ فَلْيَسْتَعِذْ بِاللَّهِ مِنْ أَرْبَعٍ، يَقُولُ: اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ عَذَابِ جَهَنَّمَ، وَمِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ، وَمِنْ فِتْنَةِ الْمَحْيَا وَالْمَمَاتِ، وَمِنْ شَرِّ فِتْنَةِ الْمَسِيحِ الدَّجَالِ)) رواه مسلم.

Maksudnya:

Daripada Abu Hurairah r.a, katanya: “Rasulullah s.a.w bersabda: “Jikalau seseorang diantara engkau semua bertasyahhud, maka mohonlah perlindungan daripada empat perkara, dengan membaca: “Ya Allah, aku memohon perlindungan kepadaMu daripada seksa neraka Jahannam, seksa kubur, fitnah semasa hidup dan setelah mati dan dari kejahatan fitnah Dajjal” (Riwayat Muslim) (al-Nawawi 1995, Kitab al-Da’awaat, bab Fadl al-Du’a,1474:563).

Dalam hadith di atas, terdapat unsur *tibaq ijabi* iaitu diantara dua perkataan yang berlawanan “الْمَحْيَا” yang bermaksud “hidup” dengan perkataan “الْمَمَاتِ” yang membawa maksud “mati”. Hal demikian, memperlihatkan bahawa gaya bahasa Rasulullah s.a.w adalah singkat dan padat.

Contoh 2:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا، أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، كَانَ يَقُولُ فِي دُعَائِهِ: ((اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا عَمَلْتُ وَمِنْ شَرِّ مَا لَمْ أَعْمَلْ)) رواه مسلم.

Maksudnya:

Dari Aisyah r.a, bahawasanya Nabi s.a.w membaca dalam doanya yang bermaksud: “Ya Allah, aku memohon perlindungan kepadaMu dari kejahatan yang aku lakukan dan dari kejahatan yang tidak aku lakukan” Riwayat Muslim (al-Nawawi 1995. Kitab al-Da’awaat, bab Fadl al-Du’a, 1477:564)

Ungkapan yang berbunyi “مِنْ شَرِّ مَا عَلِمْتُ وَمِنْ شَرِّ مَا لَمْ أَعْمَلْ” di antara dua perkataan “مَا عَلِمْتُ” dan “لَمْ أَعْمَلْ” dalam hadith dikenali sebagai *tibaq salbi* (antitesis) iaitu himpunan antara dua lafaz yang berlawanan dari segi makna.

Keistimewaan unsur jenis ialah ia menjelaskan makna sesuatu ayat berdasarkan pertentangannya. Keserasian makna di antara dua perkataan yang berlawanan mampu merangsang minda secara efektif untuk memahami sesuatu teks yang ingin disampaikan.

### c) Unsur *al-Saj'*

*al-Saj'* ialah persamaan di akhir dua ayat atau lebih, pada satu huruf atau lebih, pada satu huruf atau dua huruf atau lebih yang hampir sebutannya (Abbas 2000:303). *Al-Saj'* berlaku pada puisi sebagaimana yang berlaku pada prosa.

Contoh 1:

عَنْ أَبِي مَالِكٍ الْأَشْعَرِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: ((الطُّهُورُ شَطْرُ الْإِيمَانِ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ تَمْلَأُ الْمِيزَانَ، وَسُبْحَانَ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ تَمْلَأُنَّ - أَوْ تَمْلَأْنَ - مَا بَيْنَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ)) رواه المسلم.

Maksudnya:

Dari Abu Malik al-Asy'ari r.a, katanya: Rasulullah s.a.w. bersabda: “Bersuci itu adalah separuh daripada iman, bacaan alhamdulillah itu memenuhi berat timbangan (di akhirat), manakala subhanallah dan Alhamdulillah itu memenuhi apa yang ada di antara langit dan bumi” Riwayat Muslim (al-Nawawi 1995. Kitab al-Azkar, bab Fadl al-Zikr wa al-Hathh alayh, 1413:542).

Dalam hadith ini, unsur *al-Saj'* dapat dilihat pada tiga perkataan iaitu pada kalimah “الإيمان – الميزان – تملأن”. Ini adalah kerana, terdapat persamaan huruf pada akhir setiap kalimah iaitu huruf “ن”.

Contoh 2:

عَنْ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ: كَانَ مِنْ دُعَاءِ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: ((اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنْ زَوَالِ نِعْمَتِكَ، وَتَحَوُّلِ عَافِيَتِكَ، وَفُجْأَةِ نِقْمَتِكَ، وَجَمِيعِ سَخَطِكَ)) رواه مسلم.

Maksudnya:

Dari Ibn Umar r.a berkata, sebahagian dari doa Rasulullah yang bermaksud: “Ya Allah, sesungguhnya aku memohon perlindunganMu dari dilenyapkan nikmatMu yang dikurniakan kepadaku, bergantinya kesihatan daripadaMu-yang ada pada diriku dan seksaan yang datang secara tiba-tiba-iaitu dengan mendadak, dan segala yang dimurkai olehMu” (Riwayat Muslim) (al-Nawawi, 1995. Kitab al-Da’awaat, bab Fadl al-Du’a, 1478:564).

Hadith di atas dikenal pasti menggunakan unsur *saj'*, kerana terdapat persamaan pada huruf-huruf akhir pada perkataan “سَخَطِكَ – نِقْمَتِكَ – عَافِيَتِكَ – نِعْمَتِكَ” iaitu pada huruf “ك”. Keindahan gaya

bahasa *al-saj*’ dapat dilihat daripada persamaan rima huruf akhir bagi setiap perkataan yang seragam dari segi hurufnya.

Kelebihan unsur *al-saj*’ merupakan unsur yang mampu menarik perhatian pendengar dengan lantunan huruf dan harakatnya yang mempunyai irama. Unsur *al-saj*’ ini bertepatan dengan fungsi zikir dan doa yang bersifat rayuan dan nada mendayu-dayu di mana terletaknya keindahan dari segi lafaz atau ungkapan. Justeru, ungkapan berbentuk zikir dan doa inilah mesej yang bersifat kepasrahan, kekhusyukan dan tawadu bertemu dengan penuh keserasian sehingga ungkapan-ungkapan tersebut dapat memental hubungan antara hamba dengan penciptanya.

#### d) Unsur *Muqabalah*

*Al-Muqabalah* "المقابلة" ialah penggunaan dua makna yang bersesuaian atau lebih, kemudian digunakan pula makna-makna yang bertentangan dengan makna yang tersebut itu mengikut tertib susunan (al-Qazwini 1997. 2005:87).

Contoh 1:

عَنْ عَلِيٍّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا قَامَ إِلَى الصَّلَاةِ يَكُونُ مِنْ آخِرِ مَا يَقُولُ بَيْنَ التَّشَهُّدِ وَالتَّسْلِيمِ: ((اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي مَا قَدَّمْتُ وَمَا أَخَّرْتُ، وَمَا أَسْرَرْتُ وَمَا أَعْلَنْتُ، وَمَا أَسْرَفْتُ، وَمَا أَنْتَ أَعْلَمُ بِهِ مِنِّي، أَنْتَ الْمَقْدِمُ، وَأَنْتَ الْمُؤَخَّرُ، لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ)) رواه مسلم.

Maksudnya:

Dari Ali r.a katanya: “Rasulullah s.a.w apabila berdiri mengerjakan solat, salah satu dari yang terakhir sekali baginda ucapkan antara tasyahhud dan salam, iaitu bacaan yang bermaksud: “Ya Allah, ampunilah dosa-dosaku yang lampau dan yang akan datang, yang tersembunyi dan jelas, bahkan juga yang aku lebih-lebihkan dan dosa yang engkau lebih ketahui dari diriku sendiri, engkaulah yang mendahulukan dan mengakhirkan, tiada Tuhan melainkan engkau” (Riwayat Muslim) (al-Nawawi 1995. Kitab al-Azkar, bab Fadl al-Zikr wa al-Hathh ‘alayh, 1424:546).

Dalam hadith di atas, terdapat unsur *al-Muqabalah* diantara perkataan, “مَا قَدَّمْتُ” dan perkataan “وَمَا أَخَّرْتُ”, serta perkataan “وَمَا أَسْرَرْتُ” dan “وَمَا أَعْلَنْتُ”, dan perkataan “الْمَقْدِمُ” dengan perkataan “الْمُؤَخَّرُ”. Ini adalah kerana, pasangan perkataan yang berlawanan yang lebih daripada satu dinamakan sebagai *al-Muqabalah*.

Contoh 2:

عن ابن عمر رضي الله عنهما أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: وَهُوَ عَلَى الْمِنْبَرِ وَهُوَ يَذْكُرُ الصَّدَقَةَ وَالتَّعَفُّفَ عَنِ الْمَسْأَلَةِ: أَيْدِ الْعُلْيَا خَيْرٌ مِنْ يَدِ السُّفْلَى، وَالْيَدُ الْعُلْيَا هِيَ الْمُنْفَعَةُ، وَالسُّفْلَى هِيَ السَّائِلَةُ (متفق عليه).

Maksudnya:

Dari Ibnu Umar r.a bahawasanya Rasulullah s.a.w bersabda, ketika baginda berada di atas mimbar dan menyebutkan mengenai perihal sedekah dan menahan diri dari meminta-minta dari masalah: Tangan yang di atas lebih baik daripada tangan yang di bawah. Tangan yang di atas itu adalah orang

yang memberi sedekah sedangkan tangan yang dibawah adalah orang yang meminta (Muttafaq alayh) (al-Nawawi 1995. Kitab al-Ma'muraat, Bab al-Qana'ah wa al-Affaf 531:269).

Unsur *muqabalah* yang terdapat dalam hadith di atas iaitu pada kalimah " *الْبَيْدُ الْعُلْيَا* " dan *يَدٌ* " *السُّفْلَى* , dan pada perkataan " *الْمَنْفَعَةُ* " dan " *السَّائِلَةُ* " yang mempunyai maksud berlawanan.

Unsur *muqabalah* ini hampir sama seperti uslub *al-tibaq* dengan menghimpunkan dua perkataan yang berlawanan dalam satu ayat. Sedangkan *al-muqabalah* mendatangkan lebih dua makna yang berlawanan secara teratur. Kedua-dua unsur ini menampilkan kontradiksi di antara dua perkataan dan lebih. Oleh itu, unsur ini bersifat melengkap dan berpasangan sebagaimana merujuk kepada al-Quran bahawa semua makhluk fitrahnya berpasang-pasangan. Keistimewaan uslub ini juga seperti *al-tibaq* yang mempengaruhi akal fikiran untuk berfikir dan berkhayal tentang pertentangan di antara dua atau lebih kalimah yang dihimpunkan dalam ayat yang sama.

#### 4. Kesimpulan

Hadith menduduki tempat kedua selepas al-Quran sebagai sumber perundangan Islam. Keindahan gaya bahasa hadith mempunyai keistimewaannya yang tersendiri meskipun tidak dapat menandingi gaya bahasa al-Quran yang agung. Walau bagaimanapun, uslub hadith perlu dicungkil agar rahsia-rahsiannya yang terkandung di dalamnya dapat dikutip dan dihayati dengan lebih baik. Oleh yang demikian, kajian hadith wajar diketengahkan dan perlu diperbanyakkan lagi kerana ia mampu menyumbang kepada penyuburan dan mengembangkan lagi peranan hadith dalam bidang keilmuan. Penulisan yang ringkas ini diharap mampu memberi kesedaran kepada masyarakat mengenai keindahan nilai-nilai balaghah Rasulullah s.a.w di samping menambahkan kecintaan terhadap Sunnahnya yang sesuai dijadikan tauladan hidup sepanjang zaman.

#### 5. Rujukan

- Abbas, Fadl Hassan. (2000). *Al-Balaghah Fununuha wa Afnanuha: Ilm al-Bayan wa al-Badi'*. Omman: Dar al-Furqan.
- Akhtiar, Ismail. (1993). *Awjuh Badi'iyat fi Asalib al-Quran al-Karim*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- al-Daqr, Abd al-Ghani. (1994). *al-Imam al-Nawawi Syaikh al-Islam wa al-Muslimin wa 'Umdah al-Fuqaha wa al-Muhaddithin*. Dimasq: Dar al-Qalam.
- al-Jahiz, Abu Uthman Amru bin Bahr. (1405H/1985M). *al-Bayan wa al-Tabyin*. jil.2. Peny. Adussalam Muhammad Harun. Al-Qaherah: Maktabat al-Khaniji.
- al-Jarim, 'Ali & Mustafa Amin. (1979). *al-Balaghah al-Wadiah*. Lubnan, Beirut: Dar al-Ma'arif.
- al-Maydani. (1995). *Rawa'i Min Aqwal al-Rasul s.a.w: Dirasat Adabiyyah wa Lughawiyyah wa Fikriyyah*". Dimasq: Dar al-Qalam.
- al-Nawawi, Abi Zakariyya bin Syaraf. (2005). *Riyadh al-Salihin min Kalam Sayyid al-Mursalin*. Bayrut: Muassadah al-Ma'arif.
- al-Nawawi, Muhyi al-Din Abi Zakariyya bin Syaraf. (1995). *Riyadh al-Salihin*. Tahkik Abdullah Muhammad Darwisy. Beirut: Muassasah al-Rayyan.
- Al-Qazwini, Jalaluddin Muhammad Ibn Abdul Rahman. (1997). *al-Talkhis fi 'Ulum al-Balaghah wa huwa Talkhis Kitab "Miftah al-'Ulum" li al-Sakaki*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Quran
- Ensiklopedia Islam. (2004). Jil. 4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fahmi al-Kaustar. (2004). *Metodologi Penyusunan Hadith: di dalam Riyadh al-Salihin oleh al-Imam al-Nawawi*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Fuyud, Basyuni Abd al-Fattah. (2004). *Ilm al-badi' Dirasah Tarikhiyyah wa Fanniyyah li Usul al-Balaghah wa Masa'il al-badi'*. Al-Qahirah: Muassasah al-Mukhtar.
- Hans Wehr. (1980). *A Dictionary of Modern Written Arabic*. J. Milton Cowan (pnyt.). Cet.4. United States: Spoken Language Services.
- Idris Abdullah. (2005). *Al-Hadith: Suatu Kajian dari Sudut al-Balaghah*. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Izzuddin, Aliy al-Sayyid. (1973). *al-Hadith al-Nabawiyy min al-Wijhah al-Balaghiyyah*. Al-Qaherah: Dar al-Tiba'ah al-Muhammadiyyah.
- Kahhalah, 'Umar Rida. (t.th). *Mu'jam al-Mu'allifin: Tarajim li Musannifi al-Kutub al-'Arabiyyah*. Beirut: Dar ihya al-Turath al-'Arabi.
- Kamarul Azaha Awang. (2009). *Gaya Bahasa al-Iqtibas di dalam Teks Khutbah dan Pengaruh Estetikanya ke Arah Tarbiyah Ruhiah: Kajian Analisis Teks-teks Khutbah Jumaat Terpilih al-Qaradawi*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mahmud Yasin, Ma'mun. (1997). *Min Rawa'i al-Badi'*. Dubai: Dar al-Fikr al-Arabi.
- Mohamad Syukri Abdul Rahman. (2010). *Analisis Isti'arah dalam Kitab Riyad al-Salihin*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.